

10/07/2004

Ku Li umum tawar diri (HL)

By Ramli Ibrahim

GUA MUSANG: Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah secara rasmi semalam menawarkan diri untuk bertanding jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti September ini, sebagai memenuhi apa yang didakwanya hasrat ahli akar umbi.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan Puteri Umno bahagian Gua Musang di sini pagi semalam, Tengku Razaleigh berkata selepas memikirkan panjang lebar, beliau sedia bertanding jawatan itu dan terpulang kepada bahagian sama ada untuk mencalonkannya.

"Jadi hari ini, pada hari yang baik, di bulan yang baik, di hadapan saudara dan saudari ini dan atas desakan dan permintaan ramai terutama sekali sahabat handai, saya rasa tidak keterlaluan kalau saya dicalonkan jawatan Presiden.

"Sekiranya mencukupi bilangan (pencalonan) yang ditentukan oleh perlembagaan parti, saya sedia menimbang untuk menerima pencalonan itu. Dengan doa supaya diberi taufik dan hidayah, saya diberi kekuatan dengan dibekalkan ilmu yang cukup untuk saya melangsungkan perjuangan bagi pihak orang Umno," katanya disambut tepukan gemuruh daripada perwakilan di mesyuarat itu.

Pengumuman Tengku Razaleigh itu mengesahkan desas-desus sebelum ini bahawa beliau sekali lagi akan mencuba nasib untuk menjadi Presiden Umno selepas beberapa kali gagal sama ada untuk jawatan Presiden atau Timbalan Presiden sebelum ini.

Beliau pertama kali bertanding jawatan Timbalan Presiden pada 1981 bagi mengisi kekosongan apabila Tun Dr Mahathir Mohamad menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Presiden Umno, tetapi tewas di tangan Tan Sri Musa Hitam.

Pada 1984, beliau sekali lagi mencuba nasib tetapi tewas kepada Musa yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri. Pada 1987, beliau mencabar Dr Mahathir untuk jawatan Presiden dalam pertandingan yang dianggap paling sengit dalam sejarah Umno dan tewas.

Kerana tidak berpuas hati dengan kekalahan itu, penyokong Tengku Razaleigh membawa Umno ke mahkamah yang kemudian mengisytiharkan parti itu tidak sah dari segi undang-undang.

Setahun selepas itu, beliau bersama sebahagian besar penyokongnya yang gagal menubuhkan semula Umno, membentuk parti baru, Semangat 46 dan bertanding pada pilihan raya umum 1990 dan 1995.

Bagaimanapun, apabila sokongan terhadap Semangat 46 semakin menurun, pada 1997, Tengku Razaleigh membubarkannya dan mengetuai bekas ahli parti itu kembali ke pangkuan Umno.

Kali terakhir beliau mencuba nasib ialah pada tahun 2000 apabila dicalonkan untuk dua jawatan tertinggi parti tetapi gagal memenuhi kuota pencalonan. Beliau hanya mendapat satu pencalonan bagi kerusi Presiden dan dua untuk jawatan Timbalan Presiden.

Tengku Razaleigh semalam menjelaskan, beliau menawarkan diri untuk jawatan Presiden Umno kerana ada kekosongan dan pihak yang bertanggungjawab menentukan siapa mengisinya ialah ahli parti menerusi persidangan perwakilan bahagian di seluruh negara sekarang.

Katanya, langkah yang dibuat itu untuk menghidup kembali amalan demokrasi dan membebaskan ahli Umno membuat pemilihan sendiri pemimpin yang mereka suka dan ada kelayakan.

"Saya tahu sebelum ini belum ada yang membuat pengumuman untuk merebut

jawatan tertinggi dalam parti dan pelbagai andaian dibuat berhubung diri saya yang ingin bertanding jawatan berkenaan.

"Hari ini saya mengesahkan saya bersedia bertanding jawatan Presiden Umno sekiranya ada pencalonan yang cukup untuk melayakkan diri saya berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, beberapa pemimpin kanan Umno semalam menyifatkan pengumuman Tengku Razaleigh itu sebagai mengejutkan kerana ia menentang arus dan tidak menghormati Perdana Menteri.

Mereka bagaimanapun berpendapat keputusan ahli Parlimen Gua Musang itu tidak banyak mengubah pendirian mereka yang sudah pun memutuskan memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak bagi mengisi dua jawatan utama parti.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tindakan Tengku Razaleigh yang mahu mencabar presiden parti sama seperti menentang Perdana Menteri.

"Pak Lah adalah Perdana Menteri. Dengan menentang Pak Lah, anda melawan dasar yang ditetapkannya sebagai Perdana Menteri. Dasar Perdana Menteri sudah diterima baik oleh rakyat.

"Saya melihat Tengku Razaleigh tidak ada alasan kuat untuk mencabar Pak Lah yang sudah membawa kemenangan besar kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 21 Mac lalu," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Tengku Razaleigh perlu menarik diri jika pun dia mendapat pencalonan yang mencukupi.

"Sudah ada persetujuan di kalangan ahli Majlis Tertinggi (MT) bahawa kedudukan Abdullah sebagai Presiden Umno dan Najib sebagai timbalannya tidak dicabar. Saya percaya ahli Umno akan memberi mandat kepada Pak Lah sebagaimana diberikan ketika pilihan raya umum lalu," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Syed Hamid Albar menyifatkan pengumuman Tengku Razaleigh itu sebagai hebahan yang tiada signifikan.

"Saya tidak fikir pengumuman Tengku Razaleigh itu perlu dipandang sebagai sesuatu yang boleh mencabar kedua-dua jawatan tertinggi. Saya yakin ahli Umno lebih matang dalam membuat penilaian," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Idris Jusoh berkata gandingan Abdullah dan Najib sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak perlu diganggu oleh mana-mana pihak.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob hairan keputusan Tengku Razaleigh menawarkan diri bertanding jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti September ini.

"Hasratnya itu saya difahamkan ialah untuk menyahut permintaan akar umbi, saya tidak tahu dan hairan bagaimana Tengku Razaleigh berasakan akar umbi inginkan perubahan Presiden parti.

"Saya takut kalau-kalau maklumat itu salah," kata Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang.

Di ALOR STAR, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata Umno negeri itu tetap menyokong kepemimpinan parti sedia ada walaupun Tengku Razaleigh mahu menandingi jawatan presiden.

"Jika beliau mahu bertanding, itu terserah kepadanya tetapi saya percaya semua 15 bahagian di negeri ini akan mencalonkan Pak Lah dan Najib," katanya.

Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said, berkata bukan masanya untuk Tengku Razaleigh mencabar kerusi Presiden kerana negara baru saja selesai mengadakan pilihan raya umum.

"Pak Lah mengetuai BN, bukan saja Umno, mencatat kemenangan besar. Beliau sudah mendapat mandat rakyat, bukan hanya ahli Umno untuk memerintah selama lima tahun, untuk memenuhi janji pilihan raya.

"Biarkan Pak Lah menyelesaikan tempoh dan tugasnya itu. Beliau perlu dibiarkan melakukannya demi untuk negara, bukan hanya untuk ahli Umno," katanya.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata hasrat Tengku Razaleigh menawarkan diri bertanding jawatan presiden jelas menunjukkan beliau berasakan dirinya hanya layak menjadi Perdana Menteri.

(END)